



## ***ICT Business Centre*** bantu tingkatkan perkongsian dan pengetahuan IT

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim melancarkan *ICT Business Centre* sebagai usaha meningkatkan perkongsian ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknologi maklumat (IT) bagi faedah masyarakat setempat pada 28 Julai 2011 yang lalu di Dewan Astaka, UMP.

Dengan penubuhan pusat ini, UMP akan terus memacu kecemerlangan universiti dalam bidang teknologi maklumat sebagai salah satu inisiatif UMP untuk meletakkan universiti ini di persada antarabangsa.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, penubuhan ICT Business Centre ini akan mengkomersialkan produk dan perkhidmatan ICT termasuk semua sumber yang ada di Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK) dan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP).

Selain itu, pusat ini akan dapat melaksanakan pencapaian Pelan Strategik UMP dalam merangka bidang keberhasilan utama universiti bagi menjana kelestarian kewangan.

"UMP mempunyai tenaga pakar IT berpengalaman lebih 10 tahun dan usaha ini membolehkannya berkongsi ilmu dan kemahiran dengan organisasi lain khususnya institusi pendidikan dalam dan luar negara.

Beliau juga mengharapkan penubuhan pusat ini akan merealisasikan hasrat universiti bagi menjana pendapatan universiti selaras dengan Pelan Strategik UMP 2011-2015.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan termasuklah khidmat konsultansi dan produk ICT kepada organisasi luar melibatkan IPT, pusat latihan dan jabatan kerajaan serta menjayakan konsep 'outsourcing' yang diperkenalkan Kerajaan.

Sementara itu, menurut Pengarah Urusan ICT Business Centre, Prof. Madya Dr. Wan Maseri Wan Mohd, penubuhan pusat ini pastinya bukan sahaja memberi manfaat kepada staf di jabatan PTKM malah melibatkan semua warga universiti.

Secara tidak langsung ianya akan mewujudkan budaya kerja korporat kepada staf PTKM dan dapat melahirkan lebih ramai perunding mengikut kepakaran pensyarah yang ada di universiti.

Katanya, pelajar juga turut mendapat manfaat dengan memberi peluang untuk menjalani latihan industri dan sama-sama terlibat dalam memasarkan produk ICT.

Hadir sama di program berkenaan Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Professor Dr. Abdul Jalil Borham, Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, Profesor Dr. Jailani Salihon dan Pengarah Urusan UMP Holding, Nasirudin Nasrun.